



SIARAN AKHBAR

PENANDATANGANAN *PARTICIPANT SERVICE AGREEMENT* DI ANTARA AUTORITI MONETARI BRUNEI DARUSSALAM DAN DATASTREAM DIGITAL SENDIRIAN BERHAD

PENANDATANGANAN *PARTICIPANT SERVICE AGREEMENT* DI ANTARA AUTORITI MONETARI BRUNEI DARUSSALAM DAN PROGRESIF SENDIRIAN BERHAD

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) baru-baru ini telah menandatangani 2 *Participant Service Agreements* (PSA) secara berasingan dengan dua syarikat telekomunikasi di Negara Brunei Darussalam, iaitu Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST) dan Progresif Sdn. Bhd. (Progresif). Perjanjian PSA tersebut memberikan peruntukan bagi penyerahan dan penggunaan maklumat kredit pelanggan kepada Biro Kredit yang ditubuhkan oleh AMBD.
2. Menandatangani bagi pihak AMBD ialah Yang Mulia Dayang Hajah Rokiah binti Haji Badar, Pengarah Urusan. Manakala, menandatangani bagi pihak syarikat telekomunikasi masing-masing ialah Yang Mulia Awang Radin Sufri bin Radin Basiuni, Ketua Pegawai Eksekutif, DST dan Yang Mulia Dayang Nurul Haniah binti Jaáfar, Ketua Pegawai Eksekutif, Progresif.
3. Perjanjian PSA ini membolehkan syarikat-syarikat telekomunikasi untuk melanggan kepada *Telco Credit Report*, yang mengandungi *credit score*, dan untuk berkongsi maklumat kredit pelanggan. *Telco Credit Report* memberikan ketelusan mengenai maklumat kepercayaan kredit dan tabiat ketepatan pembayaran di kalangan pelanggan-pelanggan syarikat telekomunikasi.
4. Melalui usaha sama ini, liputan maklumat dalam laporan kredit akan diperluaskan dengan tambahan maklumat yang bukan tradisional. Antara maklumat lain yang bukan tradisional adalah seperti maklumat utiliti (seperti bil air, bil elektrik dan bil telefon) atau pinjaman runcit. Maklumat bukan tradisional ini akan lebih melengkapi laporan kredit, selain daripada maklumat perbankan yang sedia ada.

5. Maklumat bukan tradisional ini juga akan membolehkan institusi-institusi kewangan dan syarikat telekomunikasi mendapatkan pandangan yang menyeluruh mengenai kelayakan kredit pelanggan mereka. Maklumat ini boleh digunakan untuk memperkenalkan produk baru yang lebih sesuai dengan pasaran yang disasarkan dan mendorong tingkah laku kewangan yang positif di kalangan pelanggan masing-masing.
6. Pada masa ini, ahli-ahli Biro Kredit terdiri daripada bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan yang berlesen, dan tabung amanah Islam di Negara Brunei Darussalam. Pembekal-pembekal data lain ialah Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Kementerian Tenaga; Jabatan Kemajuan Perumahan, Kementerian Pembangunan; Bank Usahawan; dan syarikat-syarikat telekomunikasi. Untuk maklumat lanjut mengenai Biro Kredit AMBD, sila layari <http://www.ambd.gov.bn/birokredit>.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Tarikh : 2 Zulhijjah 1441 / 24 Julai 2020
Rujukan : AMBD/COMMS/3